

→ BISNES



Pelupusan itu akan terus memupuk ACG untuk mengukuhkan lagi prestasinya dalam tempoh terdekat

Raja Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Ekuinas



ACG berjaya berkembang ke Indonesia dan Filipina dalam pasaran antarabangsa

Ekuinas jual ekuiti ACG RM61.8 juta

● Pelupusan selaras strategi pelaburan berhemat jamin IRR positif

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuitas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan dengan melaburkan sesebuah perniagaan ekuiti sebanyak 20 peratus dalam Alliance Cosmetics Group (ACG) kepada Navis Capital Partners dengan nilai RM61.8 juta.

Pengurusannya, Raja Tun Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata pelupusan itu akan terus memupuk ACG untuk mengukuhkan lagi prestasinya dalam tempoh terdekat.

"Walaupun keadaan pasaran yang mencabar dalam seluruh pemilikan Ekuinas, ACG berjaya berkembang ke Indonesia dan Filipina.

Bangun rangkaian produk baharu

"Jenama di bawah label ACG, Silkygirl terus menjadi salah satu jenama pilihan untuk kosmetik warna dan pewangi bagi pasaran umum di Malaysia, Singapura dan Brunei serta pada masa sama, syarikat turut berusaha membangunkan rangkaian produk baharu," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Navis Capital adalah pelabur bersama Ekuinas dalam ACG apabila Ekuinas membuat pelaburan syiling pada 2016 yang juga adalah pelaburan pertama Ekuinas dalam segmen Bersejarah Pwngina Laris (FMCG).

Raja Arshad berkata, pelupusan ekuiti berkenaan menajuta hasil kasar sebanyak RM61.8 juta dengan palangan kadar dalamann (IRR) minimum sebanyak 9 peratus dan jumlah pelaburan diterima balik sebanyak 1.55 kali modal yang dibenarkan, termasuk dividen yang diterima.

"Pelupusan ini adalah pelupusan bersama Ekuinas yang telah

meleokakkan jumlah hasil direalisasi syarikat kepada lebih RM1 bilion, termasuk pelupusan separa dalam Aeon Offshore Berhad, selepas hampir tujuh tahun beroperasi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasar Arshaf Syed Abdul Kadir, berkata pelupusan itu selaras langkah Ekuinas untuk memulakan pelaburan di bawah Ekuinas Direct, 'Tranche 2 Fund, sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan bersejarah untuk menjamin IRR positif, selain memastikan penempatan dana berkenaan ditailor mengikut skema 2017.